



POLISI ANTI-RASUAH

Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja(MPPBDR) komited untuk mengamalkan ketelusan dan keadilan bagi memastikan tadbir urus terbaik melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti. Sehubungan dengan itu, MPPBDR akan;

- i. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694), arahan-arahan lain yang berkaitan anti-rasuah dan semua perundangan yang terpakai kepada aktiviti MPPBDR;
- ii. Memastikan amalan dan persekitaran kerja selari dengan pelaksanaan anti-rasuah bagi semua kakitangan dan pihak berkepentingan MPPBDR;
- iii. Menyediakan rangka kerja untuk menetapkan, menyemak dan mencapai objektif anti-rasuah selaras keperluan sistem pengurusan anti-rasuah secara berterusan;
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi sebarang salahlaku integriti dan rasuah selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- v. Memberi kuasa kepada Bahagian Integriti MPPBDR menjalankan fungsi pematuhan anti-rasuah dan bertindak sebagai badan bebas.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua kakitangan membaca, memahami dan mematuhi polisi anti-rasuah MPPBDR. Tindakan tatatertib boleh diambil keatas kakitangan bagi sebarang ketakakuran dan pelanggaran polisi ini.

TANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN BANDAR DIRAJA
1 JUN 2025

No. Rujukan : MPPBDR/BIAD/P/01
No. Pindaan/Keluaran : 01/04